



# Jangan memecut tidak tentu hala

Berbaloikah perjalanan anda jika hanya jimat enam minit untuk jarak 50 km?

**R**AMADAN hanya beraki beberapa hari sahaja lagi sebelum seluruh umat Islam merayakan Aidilfitri.

Penulis percaya, pada minggu ini sudah ramai di antara kita yang mengambil keputusan untuk pulang ke kampung halaman lebih-lebih cuti sekolah pun sudah pun bermula.

Apabila bercerita soal balik kampung, memang ramai yang sangat teruja. Namun, kadangkala keterujaan yang melampau boleh mengundang duka.

Meninjau kembali helaian-helainya akhbar pada tahun-tahun sebelum ini, tidak lengkap jika tiada laporan kemalangan pada musim perayaan. Bukan mahu menakut-nakutkan tetapi ia memang satu kenyataan.

Rasanya, kempen keselamatan jalan raya sudah banyak kali dilau-laukan. Peringatan tentang peripenting memeriksa kenderaan sebelum memulakan perjalanan juga sudah banyak dihebahkan. Tidak pasti apa yang tidak cukup lagi.

Pun demikian, sebagai akhbar yang sentiasa cakna dengan keselamatan pengguna, Sinar Turbo sekali lagi akan berkongsi perkara-perkara yang perlu diberi perhatian sebelum anda melakukan pemanduan menuju ke kampung halaman sama ada pada radius yang dekat atau jauh. Hayati dan praktikalnya.

## 1 Pastikan kenderaan berada dalam keadaan terbaik dan selamat.

Penting untuk pengguna untuk memastikan kenderaan betul-betul dalam keadaan selamat untuk dipandu. Antara yang perlu diperiksa ialah wiper, lampu dan brek. Setiap daripadanya mesti berfungsi dengan baik.

Dalam keadaan cuaca yang tidak menentu ketika ini, pengguna perlu mengambil langkah lebih berwaspada dan memandu dalam keadaan berhati-hati untuk mengelak perkara tidak dilingini.

## 2 Pastikan dapat rehat secukupnya sebelum memulakan perjalanan

Kepada mereka yang memandu pada jarak yang jauh seperti dari Kuala Lumpur ke Alor Setar, Kedah atau dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu, Kelantan, setiap daripada pemandu wajib mendapatkan tidur yang mencukupi.

Kesesakan lalu lintas pada musim perayaan memang cukup luar biasa. Sebuah kereta rosak, tempasnya amat buruk sekali.

Justeru, apabila pemanduan anda tersekat-sekat, kadar seseorang mengantuk lebih tinggi. Jadi, penting untuk mendapatkan rehat yang sewajarnya.

## 3 Jangan mengambil ubat-ubatan yang boleh menyebabkan rasa mengantuk.

Jika mengantuk atau letih, berhenti rehat di tempat yang selamat.

Rehatkan badan atau tidur sekejap. Selepas 10 hingga 30 minit, barulah anda teruskan perjalanan ke destinasi yang hendak dituju.

Jangan sekali-kali mengambil ubat yang mengantuk seperti batuk atau selesema.

Lebih baik, anda menyuruh isteri, adik-beradik atau rakan yang memandu meskipun anda terlalu 'berkira' memberi orang lain 'mengambil alih' kenderaan kesayangan anda. Ingat, jangan kerana ego anda, nyawa orang lain dalam bahaya.



PILIH mekanik yang teliti dan tidak semberono.

Untuk makluman, Malaysia mencatat bilangan kes kemalangan jalan raya yang tinggi pada tahun 2017 dengan kehilangan 6,740 nyawa.

Ia merupakan isu kesihatan komuniti dengan kehilangan purata sebanyak 19 nyawa sehari. Melihat situasi ngeri itu, sepatutnya setiap daripada kita sedar dan memainkan peranan dalam



menangani 'epidemi' itu. Menurut Pengarah Eksekutif Safe Kids Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Profesor Madya Dr. Kulanthayan KC Mani, terdapat tiga kaedah utama untuk menangani polemik tersebut.



KEPADA yang menunggang motosikal pulang ke kampung halaman, anda juga perlu melakukan pemeriksaan awal.

## PENGAWALAN PENDEDAHAN

**1** Bergerak dari pengangkutan persendirian ke pengangkutan awam merupakan satu kaedah yang efektif untuk mengurangkan pendedahan. Ia di panggil sebagai strategik pengawalan pendedahan kepada risiko.

Negara Jepun, United Kingdom, Finland dan Sweden adalah antara negara yang mempunyai rangkaian pengangkutan awam rel yang baik. Angka kemalangan dan kematian jalan raya di sana sangat rendah.

Justeru, pengangkutan awam rel dikatakan jauh lebih selamat berbanding dengan mana-mana mod pengangkutan awam dan persendirian.

## PENCEGAHAN KEMALANGAN

Mengurangkan kelajuan ialah strategi yang paling berkesan dalam mengurangkan kemalangan dan kecederaan jalan raya. Jika kita dapat memperlambatkan kenderaan, kita sekali gus mampu mengawalinya (kenderaan) dengan lebih baik.

Pengguna juga mempunyai masa dan jarak yang mencukupi untuk respons dan itu akan membantu untuk mengelak kemalangan.

Pengurangan kelajuan memberikan kita kelebihan untuk tindak balas. Lagi tinggi kelajuan, lagi jauh jarak diperlukan untuk membolehkan kenderaan berhenti.

Jika terdapat objek di hadapan, risiko akan semakin menjadi-jadi lantaran kita tidak sempat untuk memberhentikan kenderaan dengan serta-merta dalam situasi kecemasan.

Namun, ada sesetengah yang berpendapat, jika membawa kenderaan dengan laju, kita dapat

Jimat masa tetapi sebenarnya tidak.

Kajian menunjukkan bagi perjalanan sejauh 50 kilometer (dengan papan tanda had laju 90km per jam (km/j)), pemandu memandu melebihi had laju pada 110km/j, kita hanya mampu jimat sebanyak enam minit sahaja.

Adakah penjimatan sebanyak enam minit itu berbaloi memandangkan kita mengambil risiko tambahan untuk perjalanan sejauh 50km? Apa salahnya jika kita bergerak awal 10 minit, maka kita tidak perlu bertaruh nyawa untuk penjimatan yang tidak signifikan itu!

## PENGAWALAN KECEDEeraan

Strategi pencegahan dan pengawalan kecederaan yang baik ialah menggunakan segala produk keselamatan yang sedia ada dalam kenderaan.

Apabila kita membeli kereta, pakej yang diperoleh ialah tali pinggang keledar, bukan? Justeru, setiap penumpang depan dan belakang perlu memakai tali pinggang keledar untuk keselamatan diri sendiri dan perjalanan.

Tali pinggang keledar mampu mengurangkan kebarangkalian kematian sebanyak 40 hingga 50 peratus bagi pemandu dan penumpang depan serta lebih kurang 25 peratus bagi penumpang belakang.



ORANG ramai disarankan memeriksa kenderaan masing-masing di bengkel bagi mengelak sebarang kerosakan.



PASTIKAN anak kecil duduk di kerusi khas bayi demi keselamatan mereka.

## Keselamatan pengguna motosikal

Bagi pengguna motosikal, produk keselamatan yang terbaik yang ada buat masa ini ialah topi keledar.

Topi keledar keselamatan motosikal berkeupayaan untuk mengurangkan risiko kematian sebanyak 40 peratus dan risiko kecederaan sebanyak 70 peratus.

Justeru, semua pengguna motosikal disarankan menggunakan topi keledar keselamatan motosikal yang diluluskan oleh Institut Piawalan dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan mengikut saiz yang bersesuaian untuk orang dewasa dan kanak-kanak.

## Keselamatan kanak-kanak

Untuk kanak-kanak, mereka harus ditempatkan di tempat duduk belakang dan bukannya depan.

Kemudahan beg udara di kerusi depan tidak sesuai untuk mereka. Beg udara ialah produk keselamatan yang sesuai untuk orang dewasa.

Kanak-kanak di tempat duduk belakang harus menggunakan kerusi keselamatan kanak-kanak yang dikhaskan untuk mereka kerana ketinggian si kecil mungkin tidak sesuai lagi untuk menggunakan tali pinggang keledar yang sedia ada.

## 'Pastikan angin, bunga tayar tambahan cukup untuk perjalanan jauh'

**PARA** pengguna dinasihatkan supaya memastikan kenderaan mereka diselenggara atau diperiksa sepenuhnya oleh mekanik berpengalaman sebelum digunakan untuk pulang berhari raya, kata Pengarah Urusan Wheelfix Specialist, Mior Fadly Shah Mior Azlan.

Mior Fadly berkata, keselamatan kenderaan sangat penting kerana ia boleh menjimatkan kos dan masa perjalanan selain mengurangkan risiko kemalangan.



MIOR FADLY SHAH

"Pemeriksaan penuh kereta perlu dilakukan oleh mekanik berpengalaman supaya ia benar-benar selamat untuk dipandu. Bagi kenderaan yang digunakan untuk perjalanan jauh, perkara paling utama adalah tayar."

"Pastikan angin dan bunga tayar tambahan cukup untuk perjalanan jauh. Air radiator dan minyak hitam juga perlu diperiksa bagi memastikan ia cukup," katanya kepada Sinar Turbo.

Katanya lagi, masalah kereta 'meragam' ketika dalam perjalanan biasanya berpunca daripada kegagalan mematuhi jadual penyelenggaraan berkala.

"Antara masalah yang sering dihadapi ialah enjin berasap disebabkan air radiator dan minyak hitam kurang. Alternator yang tidak dicas pula boleh menyebabkan kuasa bateri lemah dan kereta susah untuk dihidupkan."

"Selain itu, tayar bocor boleh berlaku disebabkan terkena paku atau koyak akibat tayar haus dan lama," katanya.

Menurutnya lagi, pengguna perlu mempunyai kesedaran untuk memeriksa kenderaan sekerap mungkin agar yakin ia selamat dipandu.

